



Umrah 12 Hari 10 Malam

SAUDI AIRLINES

HARI 01	KLIA /JEDDAH/MADINAH
Sila lapor diri di aras 5, KLIA, 3 Jam sebelum waktu penerbangan. Jemaah akan dibantu oleh pegawai bertugas untuk daftar masuk beg serahan pasport dan pas masuk. Berlepas dari KLIA pada Jam 1500 pm untuk penerbangan ke Jeddah.	
JEDDAH/MEDINAH	
Jemaah akan disambut oleh wakil kami yang menunggu di Terminal Hajj Lapangan terbang Jeddah. Setelah urusan bagasi di lapangan terbang selesai, Jemaah bertolak ke Madinah dengan menaiki bas, perjalanan mengambil masa sekitar 5 jam. Setelah sampai di Madinah, Jemaah akan terus mendaftar masuk ke hotel dan berehat (Jemaah boleh ke masjid atau melakukan acara sendiri).	
HARI 02	MADINAH
Setelah sarapan pagi, Jemaah akan dibawa menziarahi (bahagian dalaman) Masjid Nabawi seperti Makam Rasulullah, Khalifah Abu Bakar, Sayidina Umar, Raudhah dan perkuburan Baqi' (bagi lawatan wanita berasingan).	
HARI 03	MADINAH
Setelah sarapan pagi, pada pukul 0700 pagi Jemaah akan dibawa melawat (ziarah luar) kawasan di sekitar Madinah seperti Masjid Quba, Jabal-Uhud, Masjid Dua Kiblat, Medan Perang Khandak serta berbelanja di Pasar Tamar.	
HARI 04	MADINAH/MAKKAH (UMRAH BERSAMA PEMBIMBING)
Jemaah akan berangkat ke Makkah Al-Mukarramah pada pukul 10.00pagi dengan berihram dan bermiqat di Bir Ali sebelum ke Makkah. Setibanya di Makkah, Jemaah akan dibawa ke hotel untuk mendaftar masuk dan menyempurnakan ibadah umrah yang pertama selepas Asar.	
HARI 05	MAKKAH (UMRAH BERSAMA PEMBIMBING)
Pada pukul 0700pagi Jemaah akan dibawa melawat kawasan bersejarah di sekitar Makkah seperti Jabal Nur, Jabal Thur, Arafah, Muzdalifah, Mina dan akhirnya berniat umrah di Jaaranah.	
HARI 06	MAKKAH
Acara bebas. Jemaah bebas melakukan ibadah umrah sendiri.	
HARI 07	MAKKAH
Acara bebas. Jemaah bebas melakukan ibadah umrah sendiri.	

HARI 08	MAKKAH (UMRAH BERSAMA PEMBIMBING)
Pada pukul 0700pagi Jemaah akan dibawa melawat ke Muzium Kaabah (tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa), ladang unta dan akhirnya berniat umrah di Hudaibiyah.	
HARI 09	MAKKAH
Acara bebas. Jemaah boleh melakukan ibadah umrah dengan sendiri.	
HARI 10	MAKKAH
Acara bebas. Jemaah boleh melakukan ibadah umrah dengan sendiri.	
HARI 11	MAKKAH /JEDDAH/KUALA LUMPUR
Selepas sembahyang zohor, Jemaah melakukan Tawaf Widaq (tawaf selamat tinggal), jemaah akan di hantar ke lapangan terbang Jeddah untuk pulang ke Kuala Lumpur. Sebelum dihantar ke Airport, Jemaah akan dibawa singgah sebentar di Masjid Terapung Jeddah.	
HARI 12	KUALA LUMPUR
Pesawat dijangka tiba di KLIA **Tertakluk pada jadual tiket Penerbangan.	

TARIKH PAKEJ

KUL/JED	SV 831	11 FEB	ETD 1500	ETA 1910
JED/KUL	SV 832	21 FEB	ETD 2325	ETA 1300+1

TERMA DAN SYARAT

- RM1000 – deposit setiap seorang
- Bayaran penuh 60 hari sebelum tarikh berlepas beserta dokumen umrah.
- Deposit RM1000 tidak akan dikembalikan sekiranya ada pembatalan dalam tempoh 60 hari dari tarikh bertolak.
- Harga, aturcara, dan penginapan adalah tertakluk kepada sebarang pindaan.